

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggani MyHospital Benefit. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	MyHospital Benefit
	10/02/2025

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

MyHospital Benefit adalah pelan bertempoh premium berkala, tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun yang membayar elauan tunai harian bagi penghospitalan. Pelan ini boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur 70 tahun pada hari jadi berikutnya.

Pelan ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan kerana ia adalah pelan perlindungan tulen.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan (Elaun Tunai Harian): RM 125

Tempoh Polisi: 40 tahun

Pelan ini melindungi:

Manfaat	Penerangan
Elaun Tunai Harian untuk Penghospitalan	Manfaat harian bersamaan 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar bagi setiap hari Hayat yang Diinsuranskan Dimasukkan ke Hospital akibat penyakit.
Elaun Tunai Harian Berganda untuk Penghospitalan Akibat Punca Kemalangan	Manfaat harian bersamaan 200% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar bagi setiap hari Hayat yang Diinsuranskan Dimasukkan ke Hospital akibat Kemalangan.
Elaun Tunai Harian Tiga Kali Ganda bagi Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi	Manfaat harian bersamaan 300% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar bagi setiap hari Hayat yang Diinsuranskan Dimasukkan ke Hospital dalam Unit Rawatan Rapi.

Nota: Manfaat-manfaat di atas adalah saling eksklusif. Manfaat Elaun Tunai Harian akan dibayar mengikut jenis kemasukan ke hospital, pada setiap hari, dan Hayat yang Diinsuranskan akan layak untuk mendapat manfaat yang membayar jumlah yang paling tinggi untuk kemasukan ke hospital tersebut.

Manfaat-manfaat dibayar bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang perlu dibayar dan terma polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad.
- Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar adalah: RM 132 setiap tahun.
- Sila rujuk Lampiran 1 untuk Jadual Premium.
- Kadar premium berbeza mengikut umur hari jadi berikutnya, jantina dan Jumlah Asas Diinsuranskan yang dipilih. Premium adalah tidak terjamin dan MCIS Insurance Berhad berhak untuk menyemak premium yang perlu dibayar dengan memberikan notis awal 30 hari.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada yuran dan caj bagi pelan ini.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti umur dan keadaan perubatan dengan betul.
- Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan perlindungan insurans dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan

Polisi. Premium yang anda telah bayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda tanpa faedah.

- Tempoh Tangguh – Tempoh tangguh adalah 30 hari untuk kekerapan bayaran premium bulanan dan 45 hari untuk kekerapan bayaran premium tahunan, setengah tahun, dan suku tahun.
- Tempoh Menunggu – Terdapat tempoh menunggu selama 30 hari untuk penghospitalan akibat punca bukan kemalangan.
- Nilai Serahan – Tiada nilai serahan untuk Polisi. Oleh itu, tiada jumlah yang akan dibayar oleh MCIS Insurance Berhad apabila anda menyerahkan Polisi.
- Tempoh Penghospitalan – Hayat yang Diinsuranskan perlu dimasukkan ke hospital untuk tempoh minimum berterusan selama 48 jam berturut-turut agar sebarang manfaat di bawah Polisi perlu dibayar.
- Had setiap Tahun Polisi – Manfaat-manfaat di bawah Polisi akan dibayar untuk maksimum 90 hari setiap tahun polisi.
- Had Seumur Hidup – Manfaat-manfaat di bawah Polisi akan dibayar untuk maksimum 180 hari sepanjang tempoh Polisi.
- Prosedur Tuntutan – Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan daripada laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.
- Anda hendaklah membaca dan memahami pelan insurans dan menghubungi MCIS Insurance Berhad terus untuk maklumat lanjut.
- Jika anda bertukar pelan insurans anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat-manfaat di bawah ini tidak akan melindungi sebarang penghospitalan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana daripada kejadian berikut:

- (i) Jika penghospitalan disebabkan oleh penyakit atau kesakitan dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula polisi ini kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan; atau
- (ii) Berkenaan dengan mana-mana tempoh penghospitalan bagi penyakit atau kecederaan yang dialami sebelum pembayaran premium pertama di bawah polisi ini; atau
- (iii) Berkenaan dengan mana-mana tempoh penghospitalan yang berlaku selepas polisi ini ditamatkan; atau
- (iv) Berkenaan dengan mana-mana tempoh penghospitalan bagi penyakit atau kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dipercepatkan oleh:
 - (a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak); atau
 - (b) Pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan; atau
 - (c) Penyakit atau keadaan perubatan yang timbul atas apa jua sebab berkenaan dengan nasihat perubatan, rawatan atau cadangan yang diterima daripada pengamal perubatan dalam tempoh 2 tahun dari Tarikh Pengeluaran yang tidak didekahkan dalam borang cadangan; atau
 - (d) Melibatkan diri dalam aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang biasa yang membayar tambang atau anak kapal dalam pengangkutan udara awam) atau penerbangan udara dalam apa jua bentuk sama ada untuk sukan atau rekreasi; atau
 - (e) Melibatkan diri dalam sukan profesional, polo, terjun bungee, lari berhalangan, mendaki gunung, sukan musim sejuk, memburu, luncur air, menyelam skuba, apa jua bentuk terjun udara atau sebarang bentuk perlumbaan melainkan menggunakan kaki; atau
 - (f) Berada di bawah pengaruh arak atau khayal disebabkan sebarang narkotik atau dadah; atau
 - (g) Percubaan membunuh diri, kecederaan yang disengajakan, bertarung; atau
 - (h) Gangguan mental, tidak siuman; atau
 - (i) Penyakit kelamin, HIV, sindrom kurang daya tahan melawan penyakti; atau
 - (j) Sebarang bentuk rawatan, pemeriksaan atau rundingan berkaitan dengan kelahiran anak, kehamilan atau pengguguran; atau
 - (k) Ujian atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, cegah hamil, pensterilan, keadaan diwarisi, berkhatan; atau
 - (l) Rundingan atau pemeriksaan perubatan rutin, penjagaan dan rawatan komestik atau pergigian atau pembedahan plastik, derma organ atau tisu, perubahan jantina atau sebarang pembedahan eksperimen atau kecacatan kongenital.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis kepada MCIS Insurance Berhad. Setelah pembatalan, tiada nilai serahan akan dibayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk maklumat perhubungan penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* yang berkaitan yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Utama: www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan yang serupa tersedia

Sila rujuk kepada MCIS Insurance Berhad atau wakil jualan kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHWA POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SEKIRA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN TAFSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 10/02/2025.

Lampiran 1 – Jadual Premium

Umur pada Hari Jadi Berikutnya	Premium mengikut Jumlah Asas Diinsuraskan							
	RM50		RM75		RM100		RM125	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
18	79.00	79.00	88.00	88.00	97.00	97.00	107.00	107.00
19	79.00	80.00	88.00	89.00	97.00	99.00	107.00	109.00
20	80.00	81.00	89.00	92.00	99.00	102.00	109.00	112.00
21	81.00	81.00	92.00	92.00	102.00	102.00	112.00	112.00
22	81.00	83.00	92.00	94.00	102.00	105.00	112.00	116.00
23	83.00	84.00	94.00	95.00	105.00	107.00	116.00	118.00
24	83.00	85.00	94.00	97.00	105.00	110.00	116.00	122.00
25	84.00	87.00	95.00	100.00	107.00	113.00	118.00	126.00
26	85.00	87.00	97.00	100.00	110.00	113.00	122.00	126.00
27	85.00	87.00	97.00	100.00	110.00	113.00	122.00	126.00
28	87.00	87.00	100.00	101.00	113.00	114.00	126.00	128.00
29	87.00	90.00	100.00	105.00	113.00	120.00	126.00	135.00
30	89.00	91.00	103.00	107.00	117.00	122.00	132.00	137.00
31	90.00	93.00	105.00	109.00	120.00	125.00	135.00	141.00
32	91.00	94.00	107.00	111.00	122.00	128.00	137.00	145.00
33	93.00	95.00	109.00	112.00	125.00	130.00	141.00	147.00
34	94.00	97.00	111.00	115.00	128.00	133.00	145.00	151.00
35	95.00	99.00	112.00	118.00	130.00	137.00	147.00	157.00
36	98.00	100.00	117.00	120.00	136.00	140.00	155.00	160.00
37	99.00	102.00	118.00	123.00	137.00	144.00	157.00	164.00
38	100.00	103.00	120.00	124.00	140.00	145.00	160.00	166.00
39	103.00	104.00	124.00	126.00	145.00	148.00	166.00	170.00
40	104.00	106.00	126.00	129.00	148.00	151.00	170.00	174.00
41*	107.00	108.00	130.00	132.00	153.00	156.00	176.00	180.00
42*	108.00	108.00	132.00	132.00	156.00	156.00	180.00	180.00
43*	111.00	111.00	137.00	137.00	162.00	162.00	187.00	187.00
44*	115.00	114.00	142.00	140.00	170.00	167.00	197.00	193.00
45*	116.00	116.00	144.00	144.00	171.00	171.00	199.00	199.00
46*	120.00	119.00	149.00	148.00	179.00	177.00	209.00	207.00
47*	123.00	123.00	154.00	154.00	185.00	185.00	216.00	216.00
48*	127.00	125.00	161.00	157.00	194.00	190.00	228.00	222.00
49*	131.00	129.00	167.00	163.00	202.00	197.00	237.00	232.00
50*	137.00	133.00	175.00	169.00	213.00	205.00	251.00	241.00
51*	142.00	137.00	183.00	175.00	224.00	213.00	264.00	251.00
52*	147.00	140.00	191.00	180.00	234.00	220.00	278.00	260.00
53*	152.00	144.00	198.00	186.00	244.00	228.00	289.00	270.00
54*	159.00	148.00	208.00	192.00	257.00	236.00	307.00	280.00
55*	165.00	152.00	217.00	198.00	270.00	244.00	322.00	289.00
56*	173.00	157.00	229.00	206.00	285.00	254.00	341.00	303.00
57*	180.00	163.00	239.00	214.00	299.00	265.00	359.00	316.00
58*	187.00	169.00	251.00	223.00	314.00	277.00	378.00	332.00
59*	196.00	176.00	264.00	234.00	331.00	291.00	399.00	349.00
60*	204.00	182.00	275.00	243.00	347.00	304.00	418.00	364.00
61*	214.00	190.00	291.00	254.00	368.00	319.00	445.00	384.00
62*	226.00	199.00	309.00	268.00	391.00	337.00	474.00	407.00
63*	239.00	209.00	328.00	283.00	417.00	357.00	507.00	432.00
64*	253.00	220.00	349.00	299.00	445.00	379.00	541.00	459.00
65*	268.00	231.00	372.00	317.00	476.00	402.00	580.00	487.00

Umur pada Hari Jadi Berikutnya	Premium mengikut Jumlah Asas Diinsuranskan							
	RM50		RM75		RM100		RM125	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
66*	284.00	243.00	396.00	334.00	508.00	425.00	620.00	516.00
67*	300.00	254.00	419.00	351.00	539.00	448.00	659.00	545.00
68*	314.00	267.00	440.00	371.00	567.00	474.00	693.00	578.00
69*	328.00	280.00	462.00	390.00	596.00	500.00	730.00	610.00

*Untuk pembaharuan sahaja.

SAMPLE